

FPSK Anjur Larian KIK & Health Awareness Run 2018

Terakhir dikemaskini: Isnin, 29 Oktober 2018 10:26 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 145

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



ISNIN, 29 OKTOBER - Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan KIK & Health Awareness Run bersama kluster Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UMS baru-baru ini.

Larian sejauh 6 kilometer itu bermula dan berakhir di bangunan FPSK dengan menyaksikan para peserta berlari mengikut laluan yang ditetapkan dalam sekitar kampus UMS.

Dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Perubatan Desa Sabah (PERDESA) dan

Persatuan Pelajar Perubatan (MEDSTAS), larian itu menyaksikan seramai 150 peserta dari kalangan warga UMS dan orang awam telah mengambil bahagian.

Dekan FPSK, Prof. Dr. Mohd. Saffree dalam ucapannya berkata, penganjuran program itu amat bertepatan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan iaitu memberikan kesedaran kepada warga UMS dan orang awam tentang KIK dan kesihatan awam.

“Syabas kepada jawatankuasa induk penganjur atas kelancaran aktiviti dan tahniah juga untuk semua peserta larian yang sama-sama telah mengambil bahagian.

“Semoga program seumpama ini akan diteruskan lagi pada masa-masa akan datang,” ujarnya yang juga penaung acara tersebut.

Pelbagai gerai jualan makanan dan minuman turut disediakan termasuk pameran kesihatan, pemeriksaan BMI serta pameran aktiviti dan anugerah KIK UMS.

Hadir sama pada program itu, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Jaringan Komuniti FPSK, Prof. Dr. Kew Seih Teck; Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Jabatan Pendaftar, Norti Sirin dan Timbalan Pendaftar FPSK merangkap Ketua Kluster KIK UMS, Hasmi Hashim.